Asean Security Paper Mills Sdn Bhd lwn Mitsui Sumitomo Insurance (Malaysia) Bhd

MAHKAMAH PERSEKUTUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN SIVIL NO 02—17 TAHUN 2006(A)
RICHARD MALANJUM HB (SABAH DAN SARAWAK), NIK HASHIM DAN HASHIM YUSOFF HHMP
16 JANUARY 2008

Acara Sivil — Penggantungan perlaksanaan penghakiman — Permohonan untuk — Penungguan pelupusan permohonan untuk kajian semula di bawah k 137 Kaedah-Kaedah Mahkamah Persekutuan 1995 — Ujian yang harus dipakai — Sama ada alasan-alasan yang diberikan tergolong di dalam kategori keadaan khas

Pada 2 Februari 2007, mahkamah ini telah membenarkan rayuan perayu dan mengetepikan perintah Mahkamah Rayuan yang membenarkan rayuan responden dan perintah keputusan Mahkamah Tinggi dikembalikan semula. Berikutan dengan keputusan Mahkamah Persekutuan tersebut, pihak responden telah memfailkan satu notis usul untuk mahkamah ini mengkaji semula keputusan tersebut. Notis usul ini masih belum dilupuskan lagi. Menerusi notis usul tersebut, pihak responden memohon untuk mendapatkan antara yang lain bahawa perlaksanaan dan/atau penguatkuasaan perintah mahkamah bertarikh 2 Februari 2007 dan khususnya bahagian perintah tersebut yang mengembalikan semula penghakiman Mahkamah Tinggi Ipoh bertarikh 12 Mei 2000 digantung sementara menunggu penyelesaian penuh dan muktamad permohonan responden yang difailkan ke Mahkamah Persekutuan pada 16 Februari 2007. Hujahan pihak responden, di antara alasan yang mendasari permohonan penggantungan perlaksanaan perintah Mahkamah Persekutuan ini adalah: (a) bahawa pihak pemohon telah memfailkan satu notis usul untuk kajian semula keputusan Mahkamah Persekutuan bertarikh 2 Februari 2007; (b) bahawa menerusi perintah mahkamah bertarikh 5.11.1992, pihak perayu telah diperintahkan untuk digulung; (c) bahawa satu-satunya aset perayu adalah insurans kontinjen sebanyak RM32,000,000, manakala jumlah yang kena dibayar kepada pemiutang-pemiutang perayu berjumlah RM3,651,931. Malahan modal berbayar perayu yang berjumlah RM58,400,003 telah hilang sepenuhnya dan tidak diambilkira; (d) bahawa responden adalah sebuah syarikat insurans berlesen, di bawah peraturan dan penyeliaan Bank Negara dengan aset-aset dan simpanan berjumlah RM1,129.4 juta dan RM352.7 juta masing-masingnya dan tiada kesukaran dalam memenuhi penghakiman

tersebut; (e) bahawa sekiranya penghakiman tersebut diselesaikan dan permohonan untuk semakan semula responden berjaya, maka tiada prospek untuk mendapatkannya semula dari perayu atau penyelesainya.

Diputuskan, menolak permohonan responden:

(1) Undang-undang yang terpakai mengenai pemberian atau penolakan penggantungan perlaksanaan adalah jelas menunjukkan beban pembuktian wujudnya keadaan khas untuk menjustifikasikan pemberian penggantungan perlaksanaan terletak ke atas pemohon. Alasan-alasan itu hendaklah berkait kepada perlaksanaan penghakiman itu. Ia mesti dideposkan di dalam afidavit sokongan permohonan. Namun begitu, merit-merit kes pihak di dalam permohonan penggantungan bukan perkara yang relevan untuk dipertimbangkan (lihat perenggan 6); *Kosma Palm Oil Mill Sdn Bhd & Ors v Koperasi Serbausaha Makmur Bhd* [2004] 1 MLJ 257 diikut.

(2) Oleh kerana peruntukan Akta Mahkamah Kehakiman 1964 tidak membezakan prosiding sama ada pra atau pasca keputusan Mahkamah Persekutuan, maka apa jua permohonan yang dibuat sama ada pra atau pasca keputusan Mahkamah Persekutuan tidak mempunyai sebarang perbezaan. Peraturan sama yang terpakai kepada permohonan penggantungan perlaksanaan sementara menunggu rayuan juga terpakai bagi permohonan responden sementara menunggu semakan semula. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab pihak responden selaku pemohon untuk membuktikan wujudnya keadaan khas yang melayakkan permohonannya itu dan bukannya keadaan khas yang luar biasa sebagaimana ditegaskan oleh pihak perayu. Hanya kewujudan keadaan khas yang perlu dibuktikan bagi mewajarkan suatu permohonan penggantungan perlaksanaan sementara menunggu pelupusan permohonan untuk kajian semula di bawah k 137 Kaedah-Kaedah Mahkamah Persekutuan 1995. Walau apa pun, pemberian atau penolakan penggantungan perlaksanaan sedemikian adalah perkara yang termasuk dalam budi bicara mahkamah (lihat perenggan 14).

(3) Mahkamah tidak berpuas hati dengan keterangan yang ada bahawa pihak responden telah membuktikan menerusi afidavit bahawa perayu dihimpit kemiskinan kewangan dan akan gagal memenuhi perintah mahkamah sekiranya kajian semula berjaya memihak kepada responden (lihat perenggan 18(ii)).

(4) Kebimbangan pihak responden bahawa pihaknya tiada prospek untuk mendapatkan balik wang daripada perayu sekiranya ia berjaya dalam semakan semula, adalah spekulatif semata-mata dan merupakan satu

kebimbangan yang tidak berasas. Risiko pihak perayu melesapkan wang insurans yang diawardkan merupakan risiko sejagat tidak kira sama ada perayu kaya atau miskin dan risiko sejagat tersebut bukanlah satu keadaan khas. Beban untuk menunjukkan bahawa satu semakan semula adalah tidak berguna kecuali jika penggantungan perlaksanaan diberikan adalah ke atas responden dan berdasarkan fakta kes ini, responden telah gagal berbuat sedemikian. (lihat perenggan 20); *Sarwari a/p Ainuddin v Abdul Aziz a/l Ainuddin* [2000] 5 MLJ 391 diikut.

[English summary

On 2 February 2007, this court allowed the appellant's application and set aside the order of the Court of Appeal allowing the respondent's appeal and restoring the order of the High Court. Following the decision of the Federal Court, the respondent filed an originating motion for a revision of the said decision. The originating motion had yet to be heard. Through the originating motion, the respondent applied inter alia for the execution and/or enforcement of the order of court dated 2 February 2007 and especially the part to restore the order of the Ipoh High Court dated 12 May 2000 be stayed pending the full and final disposal of the respondent's application filed in the Federal Court on 16 February 2007. The respondent submitted, among other grounds to support the stay of execution of the Federal Court's order: (a) that the applicant had filed an originating motion for the revision of the Federal Court decision dated 2 February 2007; (b) that through the court order dated 5 November 1992, the appellant was ordered to be wound up; (c) that one of the appellant's asset was the contingent insurance amounting to RM32,000,000, while the amount payable to its creditors amounted to RM3,651,931. Moreover the paid-up capital amounting to RM58,400,003 was lost entirely and was not included; (d) there was no difficulty in fulfilling the said judgment as the respondent was a licensed insurance company, under the regulation and supervision of Bank Negara with assets and savings amounting to RM1,129.4 million and RM352.7 million respectively; (e) that in the event the judgment was concluded and the respondent was successful in its application for revision, there was no prospect of recovering it from the appellant or the liquidator.

Held, dismissing the respondent's application:

(1) The law applicable on the granting or dismissal of a stay of execution clearly showed that the burden of proving the existence of special circumstances justifying the granting of a stay of execution was on the appellant. The grounds must be related to the execution of the judgment. It must be deposed in the supporting affidavit to the

application. However the merit of the party's case in an application for stay was not a relevant consideration (see para 6); *Kosma Palm Oil Mill Sdn Bhd & Ors v Koperasi Serbausaha Makmur Bhd* [2004] 1 MLJ 257 followed.

(2) As the provisions of the Courts of Judicature Act 1964 did not differentiate proceedings whether it was pre or post decision of the Federal Court, therefore whatever application made whether pre or post Federal Court's decision made no difference. The same rule that applied to an application for stay pending appeal also applied to an application pending revision. Thus, it was the responsibility of the respondent as an applicant to prove the existence of special circumstances to entitle him and not extraordinary special circumstances as submitted by the appellant. Only the existence of special circumstances needs to be proven to enable an application for stay of execution pending the disposal of the application for revision under r 137 Rules of the Federal Court 1995. However, the granting or dismissal of such a stay of execution was within the discretion of the court (see para 14).

(3) The court was not satisfied with the existing evidence that the respondent had proved through its affidavit that the appellant was in dire need of money and would fail to fulfill the court's order in the event the revision favoured the respondent (see para 18(ii)).

(4) The respondent's fear that there was no prospect in recovering the money from the appellant in the event they were successful in the revision was mere speculative and an unfounded fear. The risk of the appellant's dissipation of the insurance money awarded was a universal risk regardless of whether the appellant was rich or poor and a universal risk was not a special circumstance. The burden to show that a revision was pointless unless there was a stay of execution the revision would be rendered nugatory unless a stay of execution was granted was on the respondent and based on the facts of this case, the respondent failed to do so (see para 20); *Sarwari a/p Ainuddin v Abdul Aziz a/l Ainuddin* [2000] 5 MLJ 391 followed.]

Nota-nota

Bagi kes-kes mengenai permohonan untuk penggantungan pelaksanaan, lihat 2(3) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2007 Reissue) perenggan 6423–6492.

Kes-kes yang dirujuk

Asean Securities Paper Mills Sdn Bhd v CGU Insurance Bhd [2007] 2 MLJ 301; [2007] 2 CLJ 1; [2007] 2 AMR 329 (dirujuk)

Kong Thai Sawmill (Miri) Sdn Bhd, Re, Ling Beng Sung v Kong Thai Sawmill (Miri) Sdn Bhd & Ors (No 2) [1976] 1 MLJ 131 (diikut)

A *Kosma Palm Oil Mill Sdn Bhd & Ors v Koperasi Serbausaha Makmur Bhd* [2004] 1 MLJ 257 (dirujuk)
Leong Poh Shee v Ng Kat Chong [1966] 1 MLJ 86 (diikut)
Sarwari a/p Ainuddin v Abdul Aziz a/l Ainuddin [2000] 5 MLJ 391 (diikut)

B **Undang-undang yang dirujuk**
Akta Mahkamah Kehakiman 1964 ss 3, 80
Kaedah-Kaedah Mahkamah Persekutuan 1995 k 137

C **Rayuan daripada**: Rayuan Sivil No A-02–338 tahun 2000 (Mahkamah Rayuan, Putrajaya)

Christopher Fernando (VS Viswanathan, A Suppiah, V Stanislaus dan CK Leong bersama beliau) (CK Leong & Co) bagi pihak perayu.
D *Porres Royan (Dato' Anad Krishnan dan T Sudhar bersama beliau) (Shook Lin & Bok) bagi pihak responden.*

Nik Hashim HMP (menyampaikan penghakiman mahkamah):

E
[1] Pada 2 Februari 2007, mahkamah ini telah membenarkan rayuan perayu dengan kos, dan mengetepikan perintah Mahkamah Rayuan yang membenarkan rayuan responden dan perintah keputusan Mahkamah Tinggi dikembalikan semula.

F
[2] Berikutan dengan keputusan Mahkamah Persekutuan tersebut, pihak responden telah memfailkan satu notis usul untuk mahkamah ini mengkaji semula keputusan tersebut. Notis usul ini masih belum dilupuskan lagi.

G **[3]** Fakta kes dan alasan penghakiman mahkamah ini jelas sebagaimana dilaporkan menerusi *Asean Securities Paper Mills Sdn Bhd v CGU Insurance Bhd* [2007] 2 MLJ 301; [2007] 2 CLJ 1; [2007] 2 AMR 329. Oleh itu, kami mengadaptasi dan mengguna pakai fakta kes tersebut tanpa perlu mengulanginya di sini.

H
PERMOHONAN PENGGANTUNGAN PERLAKSANAAN

[4] Menerusi notis usul kandungan 40(a), pihak responden memohon untuk mendapatkan perintah-perintah seperti berikut:
I

(a) bahawa perlaksanaan dan/atau penguatkuasaan Perintah Mahkamah yang mulia ini bertarikh 2 Februari 2007 dan khususnya bahagian Perintah tersebut yang mengembalikan semula Penghakiman Mahkamah Tinggi Ipoh Guaman Sivil No 22–211–1990 bertarikh

12 Mei 2000 digantung sementara menunggu penyelesaian penuh dan muktamad permohonan responden yang difailkan di sini pada 16 Februari 2007;

(b) bahawa kos bagi permohonan ini menjadi kos dalam permohonan;

(c) relif lanjut sedemikian atau relif lain yang dianggap sesuai dan wajar oleh mahkamah yang mulia ini.

ALASAN PERMOHONAN

[5] Sebagaimana yang dinyatakan menerusi afidavit sokongan dan hujahan pihak responden, di antara alasan yang mendasari permohonan penggantungan perlaksanaan perintah Mahkamah Persekutuan ini adalah:

(a) bahawa pihak pemohon telah memfailkan satu notis usul untuk kajian semula keputusan Mahkamah Persekutuan bertarikh 2 Februari 2007;

(b) bahawa menerusi perintah mahkamah bertarikh 5 November 1992, pihak perayu telah diperintahkan untuk digulung;

(c) bahawa satu-satunya aset perayu adalah insurans kontinjen sebanyak RM32,000,000, manakala jumlah yang kena dibayar kepada pemiutang-pemiutang perayu berjumlah RM3,651,931. Malahan modal berbayar perayu yang berjumlah RM58,400,003. telah hilang sepenuhnya dan tidak diambilkira;

(d) bahawa responden adalah sebuah syarikat insurans berlesen, di bawah peraturan dan penyeliaan Bank Negara dengan aset-aset dan simpanan berjumlah RM1,129.4 juta dan RM352.7 juta masing-masingnya dan tiada kesukaran dalam memenuhi penghakiman tersebut;

(e) bahawa sekiranya penghakiman tersebut diselesaikan dan permohonan untuk semakan semula responden berjaya, maka tiada prospek untuk mendapatkannya semula dari perayu atau penyelesainya.

KEPUTUSAN

[6] Undang-undang yang terpakai mengenai pemberian atau penolakan penggantungan perlaksanaan adalah jelas menunjukkan beban pembuktian wujudnya keadaan khas untuk menjustifikasikan pemberian penggantungan perlaksanaan terletak ke atas pemohon. Alasan-alasan itu hendaklah berkait kepada perlaksanaan penghakiman itu. Ia mesti dideposkan di dalam afidavit sokongan permohonan. Namun begitu, merit-merit kes pihak di dalam permohonan penggantungan bukan perkara yang relevan untuk dipertimbangkan (lihat *Kosma Palm Oil Mill Sdn Bhd & Ors v Koperasi Serbausaha Makmur Bhd* [2004] 1 MLJ 257).

A [7] Namun demikian, rujukan keputusan kes-kes yang dibuat di dalam kes *Kosma* bagi menjustifikasikan pemakaian pendekatan keadaan khas di dalam permohonan penggantungan perlaksanaan adalah terjurus kepada permohonan penggantungan perlaksanaan sementara menunggu rayuan oleh pihak-pihak.

B

[8] Oleh itu, persoalan yang timbul adalah:

(a) Apakah ujian yang sama boleh diguna pakai di dalam permohonan penggantungan perlaksanaan perintahnya sementara menunggu
C perlupusan permohonan untuk kajian semula di bawah k 137 Kaedah-Kaedah Mahkamah Persekutuan 1995 (KKMP)?

(b) Sekiranya pendekatan kewujudan keadaan khas sebagaimana kelaziman permohonan seumpamanya terpakai, adakah alasan-alasan yang dinyatakan di atas tergolong di dalam kategori keadaan khas yang
D mewajarkan permohonan ini?

[9] Peguam responden bagi permohonan ini menghujahkan bahawa ujian keadaan khas sebagaimana permohonan-permohonan untuk penggantungan perlaksanaan biasa wajar diguna pakai. Sebaliknya, peguam perayu
E menghujahkan bahawa beban pembuktian pihak responden adalah lebih berat iaitu pihak responden perlu membuktikan wujudnya keadaan khas yang luar biasa ('special exceptional circumstances') bagi permohonan penggantungan perlaksanaan di peringkat kajian semula keputusan Mahkamah Persekutuan.

F

[10] Kuasa Mahkamah Persekutuan untuk membuat perintah interim di dalam apa jua prosiding adalah dipenmtukkan di bawah s 80 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 ('AMK') seperti berikut:

G (1) In any proceeding pending before the Federal Court any direction incidental thereto not involving the decision of the proceeding, any interim order to prevent prejudice to the claims of parties pending the hearing of the proceeding, any order for security for costs, and for the dismissal of a proceeding for default in furnishing security so ordered
H may at any time be made by a judge of the Federal Court.

(2) Every application under subsection (1) shall be deemed to be a proceeding in the Federal Court.

I (3) Every order made under subsection (1) may, upon application by the aggrieved party made within ten days after the order is served, be affirmed, varied or discharged by the court.

[11] Manakala seksyen 3 AMK mentakrifkan 'prosiding' sebagai:

> 'proceeding' means any proceeding whatsoever of a civil or criminal nature and includes an application at any stage of proceeding.

[12] Berdasarkan takrifan prosiding di bawah s 3, adalah jelas bahawa permohonan kajian semula keputusan Mahkamah Persekutuan oleh pihak responden terjumlah kepada definasi prosiding.

[13] Peguam responden menghujahkan bahawa kemiskinan kewangan perayu merupakan alasan yang terjatuh di dalam kategori keadaan khas yang bermerit yang melayakkan responden memperolehi perintah untuk penggantungan perlaksanaan ini. Oleh yang demikian, responden berhak membuat permohonan seumpamanya menerusi seksyen 80 CJA.

[14] Pandangan kami adalah seperti berikut. Oleh kerana peruntukan CJA tidak membezakan prosiding sama ada pra atau pasca keputusan Mahkamah Persekutuan, maka apa jua permohonan yang dibuat sama ada pra atau pasca keputusan Mahkamah Persekutuan tidak mempunyai sebarang perbezaan. Peraturan sama yang terpakai kepada permohonan penggantungan perlaksanaan sementara menunggu rayuan juga terpakai bagi permohonan responden sementara menunggu semakan semula. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab pihak responden selaku pemohon untuk membuktikan wujudnya keadaan khas yang melayakkan permohonannya itu dan bukannya keadaan khas yang luar biasa sebagaimana ditegaskan oleh pihak perayu. Hanya kewujudan keadaan khas yang perlu dibuktikan bagi mewajarkan suatu permohonan penggantungan perlaksanaan sementara menunggu pelupusan permohonan untuk kajian semula di bawah k 137 KKMP. Walau apa pun, pemberian atau penolakan penggantungan perlaksanaan sedemikian adalah perkara yang termasuk dalam budi bicara mahkamah.

[15] Seterusnya, soalan yang berikut sama ada alasan-alasan yang telah dikemukakan sebelum ini oleh pihak responden terjatuh di bawah kategori keadaan khas perlu dikaji dengan teliti.

[16] Di dalam kes *Leong Poh Shee v Ng Kat Chong* [1966] 1 MLJ 86, Raja Azlan Shah H (Baginda pada masa itu) berkata bahawa:

> Special circumstances, as the phrase implies, must be special under the circumstances as distinguished from ordinary circumstances. It must be something, exceptional in character, something that exceeds or excels in some way that which is usual or common.

[17] Lee Hun Hoe HB (Borneo) di dalam kes Mahkamah Persekutuan *Re Kong Thai Sawmill (Miri) Sdn Bhd; Ling Beng Sung v Kong Thai Sawmill (Miri) Sdn Bhd & Ors (No 2)* [1976] 1 MLJ 131, berkata:

> An appeal which would be nugatory if stay was refused by reason of the poverty of the respondent would be an example of special circumstances.
>
> Kami bersetuju dengan pendapat Yang Arif Raja Azlan Shah H (Baginda pada masa itu) dan Yang Amat Arif Lee Hun Hoe HB (Borneo) itu.

[18] Jadi, memakai prinsip-prinsip di dalam kes *Kosma* dan kes-kes yang disebut di dalamnya, *Leong Poh Shee* dan *Re Kong Thai Sawmill* kepada kes sekarang, kami:

(i) dapati pemfailan permohonan untuk kajian semula oleh responden bukan merupakan satu keadaan khas yang boleh menjustifikasikan pemberian perintah penggantungan perlaksanaan ini secara automatik. Pemohon bebas untuk memfailkan permohonannya tetapi mahkamah hendaklah terlebih dahulu berpuas hati bahawa wujudnya hal keadaan khas sebelum mahkamah dapat menggunakan budi bicaranya untuk membenarkan permohonan itu.

(ii) tidak berpuas hati dengan keterangan yang ada bahawa pihak responden telah membuktikan menerusi afidavit bahawa perayu dihimpit kemiskinan kewangan dan akan gagal memenuhi perintah mahkamah sekiranya kajian semula berjaya memihak kepada responden. Ini kerana penyata akaun Tahunan perayu dan keterangan saksi Cik Lynette Ow (D33) menunjukkan perayu telah mencatat keuntungan sebelum kebakaran sebanyak RM12,732 daripada turnover RM1,870,394 seperti keterangan D33 di LCK '2' bertarikh 2 April 2007 yang antara lain menyatakan:

> ASPM has lease on lands registered in its name. This RM32 million does not represent the full assets of the Company. The person who prepared may have erred in not disclosing the fell assets of the company... The assets referred to are the Account and those than can be realized. The lands were not mentioned because I think it was a subject matter of some litigation. The details of plant and machinery were not included in D73 because I think we had no records of plant and machinery. If this leasehold and actually belonged to ASPM, its value is sufficient to pay off the creditors.... This company was trading at a profit before the fire occurred. I came to the conclusion after referring to the Annual Report of the company in 1988. It shows the profit and loss account. It states returned profits carried forward RM12,732. It arose out of a turnover of RMl,870,394 million. The profit is a small percentage of the turnover.... The value of fixed assets of ASPM was RM125,840,534 million. The fixed assets owned by ASPM include leasehold land, plant and machinery. These fixed assets are not shown in D73. If these fixed assets existed at the commencement of the winding up,

> their details would appear in the statement of affairs. I do not know if these assets existed... I do not have records of purchase of the plant and machinery... The current assets of ASPM as at 30 September 1998 were RM656,242. I have no records of the current assets of the company. The current liabilities were RM647,526.14.... I have no records of the liabilities. I do not know what has happened to the paid up capital of the company. I have no records to show if the amount was paid.

[19] Tambahan pula, dua bidang tanah berkaitan masih tercatat dengan nama perayu sebagai pemunya tanah tersebut, walaupun pihak responden mengatakan Pihak Berkuasa Negeri telah merampasnya, menimbulkan keraguan. Jika nilai tanah itu sebanyak RM49,883,158 diambil kira, maka ia sudah tentu melebihi jumlah penghakiman RM16,124,500 yang diperolehi oleh perayu terhadap responden pemohon.

[20] Kebimbangan pihak responden bahawa pihaknya tiada prospek untuk mendapatkan balik wang daripada perayu sekiranya ia berjaya dalam semakan semula, adalah spekulatif semata-mata dan merupakan satu kebimbangan yang tidak berasas. Risiko pihak perayu melesapkan wang insurans yang diawardkan merapakan risiko sejagat tidak kira sama ada perayu kaya atau miskin dan risiko sejagat tersebut bukanlah satu keadaan khas (sila lihat *Sarwari a/p Ainuddin v Abdul Aziz a/l Ainuddin* [2000] 5 MLJ 391). Beban untuk menunjukkan bahawa satu semakan semula adalah tidak berguna kecuali jika penggantungan perlaksanaan diberikan adalah keatas responden dan berdasarkan fakta kes ini, responden telah gagal berbuat sedemikian.

[21] Harus diingat bahawa satu permohonan untuk semakan semula tidak berfungsi sebagai penggantungan perlaksanaan kecuali jika mahkamah memerintahkannya. Dalam kes ini, pemberian penggantungan perlaksanaan akan menyebabkan ketidakadilan yang ketara kerana ia menafikan pihak perayu hasil penghakiman yang ia perolehi pada 2 Februari 2007 daripada mahkamah yang terakhir ini, selepas ia menunggu sekian lama semenjak 12 Mei 2000 lagi. Lagipun, pihak responden telah gagal membuktikan hal keadaan khas telah wujud. Dan dalam kes ini, tidak ada sebab mengapa penggantungan perlaksanaan patut diberi. Oleh itu, kami sebulat suara telah menolak permohonan responden untuk mendapat perintah penggantungan perlaksanaan sementara menunggu semakan semula dengan kos.

Permohonan responden ditolak.

Reported by Sally Kee